

01 AUG 2002

Mahathir-Projek (Bergambar)/I

PM LAWAT PROJEK PELANCONGAN SEBELUM SERTAI LID 2002

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini hari ini untuk merasmikan serta mengambil bahagian pada Dialog Perkongsian Pintar Global 2002, sempat meluangkan masa melawat dua projek pelancongan di Teluk Burau.

Sebaik tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi, Perdana Menteri memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda mini ke Oriental Village dekat Berjaya Beach and Spa Resort untuk meninjau projek kereta kabel Langkawi.

Dr Mahathir kemudiannya menaiki kereta kabel berbentuk gondola sejauh 2.2km, bersama lima pegawai lain, termasuk Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan perunding projek, Dr Peter A. Wyss ke puncak Gunung Machincang, kira-kira 708 meter daripada aras laut.

Sambil meninjau puncak gunung itu, Dr Mahathir turut diberikan taklimat mengenai kemajuan projek.

Projek kereta kabel itu diilhamkan sendiri oleh Perdana Menteri selepas terbang melintasi gunung itu dengan helikopter pada 1999.

Projek bernilai RM46 juta itu, yang kini 95 peratus siap, dijangka mula beroperasi akhir bulan ini. Projek itu sudah pun mendapat laporan pensijilan Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Para pelawat boleh menikmati pemandangan pulau lagenda ini, sepanjang 15 minit perjalanan menaiki kereta kabel itu ke puncak.

Menurut Pengurus Teknikal Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Abdul Manaf Majid, penguji bebas dari Austria sudah menjalankan ujian perkhidmatan kereta kabel berkenaan.

Ujian percubaan itu dijadual selesai Ahad ini.

Abdul Manaf berkata perkhidmatan kereta kabel itu akan diurus oleh anak syarikat Lada, Langkawi Cable Car Sdn Bhd.

Tiga pangkalan disediakan untuk penumpang menaiki kereta kabel itu iaitu pangkalan bumi, pertengahan dan puncak.

Kereta kabel 35 tempat duduk itu melintasi 70m di atas hutan hujan Banjaran Machinchang yang kaya dengan ciri-ciri geologi.

Kereta kabel itu mampu membawa 700 penumpang sejam.

Dari Oriental Village, Dr Mahathir meninjau projek Langkawi Harbour Park di Pantai Kok dan diberi taklimat mengenai kemajuan projek oleh perunding yang juga pelayar negara Datuk Azhar Mansor.

Projek pembangunan ala Mediterranean itu membabitkan pembinaan marina yang mampu menempatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa, hotel butik dan apartmen.

Perdana Menteri kemudiannya berlepas ke Pelangi Beach Resort di Pantai Chenang, venue Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002 yang meliputi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Sebaik tiba di hotel, Dr Mahathir menerima kunjungan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma.

-- BERNAMA

AFY NH SHY TS LAT